

26 FEB 2001

MAHATHIR-TERAJU

BANK UTAMA HARUS PENUHI KRITERIA BANK TERAJU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Utama Banking Group hendaklah terlebih dahulu memenuhi kriteria sebagai sebuah bank peneraju sebelum ia boleh menjadi kumpulan perbankan peneraju di bawah program rasmi untuk menggabungkan institusi kewangan negara bagi menjadi satu entiti yang lebih besar dan kukuh.

"Kita telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu bagi bank-bank peneraju. Melainkan bank tersebut memenuhi kriteria-kriteria tersebut, saya tidak nampak bagaimana kita boleh menerima ia sebagai bank peneraju (tambahan) ke-11," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Ketika sidang akhbar selepas beliau merasmikan Persidangan Antarabangsa bagi Globalisasi di sini, Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan Bank Utama (Malaysia) Bhd, cabang bank Utama Banking Group untuk menjadi bank peneraju yang ketujuh.

Dilaporkan bahawa Utama Banking Group yang berpangkalan di Sarawak telah melobi untuk menjadi sebuah bank peneraju dari Sarawak.

Di bawah program penggabungan bank-bank yang diusahakan oleh Bank Negara, 54 institusi tempatan diminta bergabung menjadi 10 kumpulan perbankan peneraju.

Utama Banking Group, yang tidak termasuk dalam senarai bank-bank peneraju telah mengalami dua kegagalan dalam rundingan penggabungan, pertama dengan Arab-Malaysian Banking Group dan yang keduanya dengan EON Bank Bhd.

Kepada satu soalan sama ada beliau melihat kemungkinan penggabungan di antara dua bank peneraju, umpamanya, RHB Bank dan Malayan Banking, Dr Mahathir berkata: "Ia adalah sesuatu yang baik. Jika mereka mahu membentuk satu bank yang besar, mengapa tidak? Kita tidak akan menghalangnya."

Dr Mahathir juga berkata penggabungan institusi kewangan dalam negeri adalah untuk menyiapkan diri mereka bagi berdepan dengan persaingan sengit daripada bank-bank asing yang lebih besar apabila sektor kewangan di Malaysia dibuka sepenuhnya kelak.

Beliau menambah penggabungan bank-bank asing seluruh dunia telah menjadikan mereka satu entiti baru yang begitu besar dan jika Malaysia terus mempunyai jumlah bank-bank kecil yang besar, bank tempatan tidak berpeluang untuk bersaing dengan pendaatang baru dalam pasaran yang bebas dan terbuka. -- BERNAMA

MAD SEL ZK OS